

12/10/2001

Malaysia perlu kuasai teknologi angkasa

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Wan Jailani Abdul Razak; Ahmad Fiesal Othman LANGKAWI, Khamis - Malaysia perlu menyertai perkembangan teknologi angkasa yang berpotensi menghasilkan produk dan proses baru, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, kegunaan teknologi yang pelbagai itu memerlukan negara membina keupayaan sendiri supaya dapat mengeksploitasi sepenuhnya dan menambah penggunaan alat teknologi angkasa untuk kebaikan rakyat.

Pada masa yang sama, katanya, masyarakat juga perlu menyumbang kepada perkembangan sains dan teknologi angkasa pada masa depan.

"Dalam mengorak langkah ke arah 2020, persediaan kita untuk menjadi negara maju harus merangkumi penguasaan teknologi kritikal, antaranya teknologi maklumat, sains bahan dan kejuruteraan biologi.

"Perkembangan dalam teknologi angkasa boleh memanfaatkan negara dalam bidang ini," katanya merasmikan ulang tahun pertama pelancaran TiungSAT-1 ke orbit di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di sini, hari ini.

Teks ucapannya dibacakan Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain. Hadir sama, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding.

Dr Mahathir berkata, fungsi teknologi angkasa dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat adalah jelas dan mereka harus bergerak dengan azam yang kuat berdasarkan strategi yang membolehkan negara tidak bergantung sepenuhnya kepada pihak lain.

Katanya, teknologi angkasa juga mempunyai kegunaan yang dapat memuaskan pelbagai tuntutan masyarakat global, khususnya dalam bidang pendidikan, pengetahuan, kesihatan dan keselamatan manusia.

Selain itu, katanya, teknologi angkasa amat sesuai untuk mengawasi bumi dan sekitarnya serta bertindak sebagai enjin yang boleh menampung pertumbuhan ekonomi negara.

"Angkasa ialah warisan sejagat dan ia adalah landasan yang ideal untuk kerjasama antarabangsa. Oleh itu, kita harus sentiasa mencari peluang usaha sama dengan negara jiran dan yang lebih jauh kerana ini akan memaksimumkan sumber dan pada masa sama mewujudkan persefahaman.

"Sebenarnya, untuk beberapa projek angkasa yang hebat dan istimewa, kerjasama antarabangsa adalah satu-satunya mekanisme mencapai kejayaan dan dalam hal ini, kita harus bertekad untuk menjadi rakan kongsi yang setanding negara lain," katanya.

Berikutan kejayaan TiungSAT-1 itu, syarikat Astronautic Technology Sdn Bhd (ATSB) telah memulakan dua program kerjasama antarabangsa. ATSB telah memulakan kerjasama dengan SatReci dari Korea Selatan untuk membina kamera bagi satelit yang mempunyai resolusi 2.5 meter dan 5 meter.

Program yang dikenali sebagai 'Medium Aperture Program (MAC)' membabitkan kepakaran jurutera tempatan dan rakan kongsi di Korea Selatan.

ATSB juga telah memulakan program bagi mereka bentuk dan membina mekanisme yang dapat digunakan bagi membolehkan satelit berada pada orbit yang sesuai.

Program 'Small Payload Orbit Transfer' itu dilaksanakan melalui kerjasama syarikat AeroAstro di Amerika Syarikat. Seperti MAC, program itu membabitkan kepakaran jurutera tempatan sepenuhnya.

Perdana Menteri berkata, program itu mendukung rancangan kerajaan untuk menyediakan infrastruktur di angkasa yang mampu memberi perkhidmatan berlandaskan keperluan khusus negara.

(END)

